

### Mesej Tiga

#### **Bersatu dalam Sukma untuk Menikmati Kristus dengan Memikirkan Satu Hal Itu, dengan Bersatu dengan Kristus dalam Bahagian Dalaman-Nya, dan dengan Membenarkan Tuhan Beroperasi dalam Kita Supaya Kita Berazam dan Bekerja untuk Kegirangan-Nya**

Bacaan Bible: Flp. 1:4, 8, 18, 25, 27; 2:2, 12-13, 17-18, 28-29; 3:1; 4:1, 4, 10, 15-16

- I. Secara tegas, buku Filipi ialah sebuah buku yang bukan sahaja berkenaan pengalaman terhadap Kristus, malah berkenaan kenikmatan terhadap Kristus; pengalaman terhadap Kristus terutamanya berada dalam roh kita, kenikmatan terhadap Kristus pula berada dalam sukma kita (minda, emosi, dan tekad kita):**
  - A. Memandangkan buku Filipi membicarakan pengalaman dan kenikmatan terhadap Kristus yang menghasilkan keriangan, maka buku ini penuh dengan keriangan dan kegirangan—1:4, 18, 25; 2:2, 17-18, 28-29; 3:1; 4:1, 4.
  - B. Pekudus di Filipi mempunyai persekutuan demi kemajuan injil menerusi ministri dutus Paulus; pengambilan bahagian ini mencakupi sumbangan kewangan mereka kepada dutus—ay. 10, 15-16:
    1. Kehidupan yang mengalami Kristus dan menikmati Kristus ialah kehidupan yang memajukan injil dan memberitakan injil, bukan individualistik tetapi korporat; semakin banyak kita mempunyai persekutuan demi kemajuan injil, semakin banyak kita mengalami dan menikmati Kristus; ini akan membunuh diri kita, cita-cita, kesukaan, dan pilihan kita.
    2. Sama ada kita berbicara atau berdiam diri, hayat kita, kehidupan kita, diri kita, dan seluruh jiwa raga kita harus merupakan pemberitaan Kristus—1:20; 4:22; bd. 2 Kor. 3:3.
  - C. Paulus memesan kita agar bergerak laku “dengan cara yang layak bagi injil Kristus”, iaitu “berdiri teguh dalam satu roh, dengan satu sukma berusaha bersama-sama kepercayaan injil”—Flp. 1:27:
    1. Menjadi satu sukma dan menjadi sesukma untuk kerja injil lebih sukar daripada berada dalam satu roh untuk mengalami Kristus; Timotius ialah dik-bang yang sesukma dengan dutus Paulus—2:19-21, bd. ay. 30.
    2. Untuk menjadi satu sukma, selepas dilahirukan dalam roh, kita seterusnya perlu ditransform dalam sukma kita—2 Kor. 3:18; Roma 12:2.
    3. Jika kita tidak bersatu dalam kasih sayang, pemikiran, dan keputusan kita, maka kita tidak satu dalam sukma; asalkan kita tidak bersatu dalam sukma, kita tidak berada dalam persekutuan demi kemajuan injil, dan gerak laku kita tidak layak bagi injil.
    4. Apabila semua anggota dalam gereja berada dalam satu roh dengan satu sukma, kesatuan ini akan meyakinkan, menundukkan, dan menawan orang, dan kita akan mengalami Kristus serta menikmati-Nya.
  - D. Kita memang mungkin mengalami Kristus namun tidak menikmati Kristus; masalahnya ada pada sukma kita—minda, emosi, dan tekad kita; umpama kanak-kanak yang dipaksa makan namun tidak menikmati makanan mereka, sering kali kita mengalami Kristus namun tidak menikmati-Nya.
  - E. “Saya agak risau bahawa kamu mungkin tidak mempunyai banyak kenikmatan terhadap Kristus” (*The Collected Works of Witness Lee*, 1978, jil. 1, “The Experience of Christ”, m.s. 340); banyak orang kehilangan kenikmatan terhadap Kristus disebabkan mereka mempunyai masalah dalam sukma; jika kamu tidak mempunyai banyak kenikmatan terhadap Kristus, ini menunjukkan bahawa kamu tidak satu dalam sukma, tidak bersatu dalam sukma—Flp. 2:2.
- II. Untuk kita menjadi satu dalam sukma, kita perlu memikirkan satu hal itu:**

**satu hal itu dalam Filipi merujuk kepada pengetahuan, pengalaman, dan kenikmatan subjektif terhadap Kristus; satu hal itu ialah mengejar Kristus agar beroleh-Nya, berpegang pada-Nya, dan memiliki-Nya—1:20-21; 2:2, 5; 3:7-14; 4:13:**

- A. Untuk hidup dalam realiti Tubuh Kristus, kita harus menikmati Kristus dengan mengasihi-Nya hingga kemuncak, dan untuk mengasihi-Nya, fikiran kita perlu diselamatkan daripada ditegarkan (2 Kor. 3:14), dibutakan (4:4), memberontak (10:4-5), dan dikorupkan (11:2-3).
- B. Pemikiran kita harus berfokus pada keunggulan pengetahuan terhadap Kristus dan pengalaman serta kenikmatan terhadap Kristus; berfokus pada hal yang lain akan menyebabkan pemikiran kita berbeza, dengan demikian menimbulkan perbezaan pendapat dalam kalangan kita—1 Kor. 1:10; Flp. 3:8-9, 15; 4:2.
- C. Satu hal itu, hal yang unik, dalam pemulihan Tuan ialah ekonomi abadi Tuhan dengan Kristus sebagai sentraliti dan universaliti—Kol. 3:10-11:
  - 1. Satu hal itu yang harus diberi tumpuan, ditekankan, dan diministerkan dalam pemulihan Tuan ialah ekonomi abadi Tuhan—1 Tim. 1:3-4.
  - 2. Isi kandungan ekonomi abadi Tuhan ialah Kristus; sebenarnya, Kristus sendiri dalam ministri penuh-Nya yang mempunyai tiga tahap ialah ekonomi divin (Yoh. 1:14; 1 Kor. 15:45b; Wahi 1:4; 3:1; 4:5; 5:6); Tuhan berhasrat untuk memperoleh satu pemulihan yang semata-mata dan sepenuhnya memulihkan persona Kristus (Kol. 1:17b, 18b; 2 Kor. 12:2a; 2:10; 3:3).
- D. Dalam kalangan orang Filipi terdapatnya perbezaan dalam pemikiran (Flp. 4:2) yang membimbangkan dutus; oleh itu, dia meminta mereka agar memikirkan hal yang sama, bahkan satu hal yang sama itu, agar mereka dapat menjadikan keriangannya penuh (2:2):
  - 1. Memikirkan sesuatu yang selain satu hal itu bererti memberontak terhadap ekonomi Tuhan; ekonomi Tuhan ialah kita memikirkan satu hal itu; dalam kehidupan gereja, kita perlu membantu semua pekudus agar memikirkan satu hal itu; fikiran kita harus bertumpu pada dan dipenuhi kenikmatan terhadap Kristus demi kehidupan gereja, kehidupan Tubuh.
  - 2. Disebabkan perbezaan dalam pemikiran mereka, percayawan Filipi mempunyai tingkat kasih yang berbeza (ay. 2); mereka tidak mempunyai kasih yang sama terhadap semua pekudus untuk memelihara kesatuan; jika kasih kita terhadap pekudus telah dikawal tertib dan ditanggulangi, maka kita akan menikmati Kristus semasa kita mengasihi para pekudus.
  - 3. Menjadi satu dalam sukma, bersatu dalam sukma, bukan hanya untuk mengalami Kristus, malah lebih-lebih lagi untuk menikmati Kristus; untuk menikmati Kristus, kita perlu mempunyai sukma yang wajar, iaitu “sukma sepunya” yang bersatu dengan sukma pekudus yang lain.

**III. Untuk kita menjadi satu dalam sukma, kita perlu menjadi satu dengan Kristus dalam emosi-Nya, “bahagian dalaman”-Nya; bahagian dalaman-Nya menandakan kasih sayang dalaman-Nya, rahmat-Nya yang lembut-halus, dan simpati-Nya—Flp. 1:8:**

- A. Sebagai manusia, pengalaman-pengalaman Kristus dalam bahagian dalaman-Nya mencangkupi kasih, hasrat, kegirangan, dan perasaan-Nya—Mzm. 16:3, 7 (lihat nota kaki dalam Bible Versi Pemulihan).
- B. Paulus tidak menjalani kehidupan dalam diri dalamannya yang alamiah; dia menjalani kehidupan dalam bahagian dalaman Kristus; jika kita ingin menjadi orang yang berada dalam Kristus dari segi pengalaman, kita harus berada dalam bahagian dalaman-Nya, dalam perasaan-Nya yang lembut dan halus—Kol. 3:12.
- C. Dalam buku Filemon terdapat gambaran tentang kehidupan Tubuh yang dijalani dalam bahagian dalaman Kristus Yesus—ay. 7, 10-12, 20:

1. Ketika Onesimus berada di dalam penjara di Rom bersama dengan Paulus, dia telah diselamatkan menerusi Paulus yang memanggilnya sebagai “anakku Onesimus yang telah aku peranakkan dalam belengguku”—ay. 10.
  2. Ketika Paulus mengutus Onesimus kembali bersama dengan Suratnya kepada Filemon, Paulus berkata, “Dia ini [Onesimus] aku utus kembali kepadamu, dia yang merupakan buah hati aku”—ay. 12.
  3. Kasih sayang dan belas kasihan dalaman Paulus pergi bersama-sama dengan Onesimus kepada Filemon; perkataan *buah hati* secara literalnya sama dengan *bahagian dalaman* dalam Filipi 1:8 yang menandakan kasih sayang, kelembutan hati, dan belas kasihan dalaman—Kol. 3:12.
- D. Paulus hidup dalam realiti Tubuh Kristus dengan mengambil perasaan Kristus sebagai perasaannya sendiri; perasaan Kristus terhadap Tubuh telah menjadi perasaannya terhadap Tubuh; inilah yang paling diperlukan untuk kita menjalani kehidupan Tubuh—2 Kor. 12:15.
- E. Jika kita menyangkal diri kita dan menyepadukan diri kita dengan Tubuh, kita tidak akan terasing dan terpisah daripada Tubuh; kehidupan yang kita jalani sama sekali ialah kehidupan Tubuh, dan Tuan akan memperoleh ekspresi Tubuh-Nya di bumi hari ini—Mat. 16:24; Ef. 4:16.
- F. Semakin kita hidup dalam bahagian dalaman Kristus Yesus, semakin peka kesedaran kita terhadap Tubuh Kristus dan semakin kuat perasaan kita terhadap Tubuh Kristus—1 Kor. 12:26-27; Roma 12:15.
- IV. Untuk kita menjadi satu dalam sukma, kita perlu mengerjasilkan penyelamatan kita sendiri dengan bekerjasama dengan Tuhan yang bertindak cergas secara dalaman, yang beroperasi dalam kita supaya kita “berazam dan bekerja untuk kegirangan-Nya”—Flp. 2:12-13:**
- A. Kita mengerjasilkan penyelamatan kita sendiri kerana Tuhan bekerja dalam kita; kita mungkin mengatakan bahawa kita tidak mempunyai keazaman, tetapi Tuhan menggarapkan keazaman ini ke dalam kita supaya kita mengerjasilkan kegirangan-Nya; berazam adalah di dalam, manakala bekerja adalah di luar.
  - B. Kita perlu melatih roh kita serta tekad kita yang ditundukkan dan dibangkitkan untuk memilih agar mengerjasilkan penyelamatan kita sendiri dengan bekerjasama dengan Tuhan Tritunggal yang huni secara dalaman; Tuhan Tritunggal beroperasi dalam kita supaya kita berazam untuk kegirangan-Nya.
  - C. Tekad kita yang ditransform dapat dilihat dari segi tipologi dalam Kidung Agung 4:4; ayat ini mengatakan bahawa pencari yang mengasihi Tuan mempunyai “leher...seperti menara Daud, / Dibina sebagai gedung senjata: / Seribu perisai tergantung padanya, / Semua taming pahlawan perkasa”:
    1. Bible mengatakan orang yang bergerak-hidup menurut kehendak sendiri, yang tegar dan sompong, sebagai orang yang tengkuknya diregang (Yes. 3:16); oleh itu, leher merujuk kepada tekad manusia; Tuan menganggap ketundukan tekad manusia sebagai sesuatu yang paling cantik pada manusia.
    2. Leher seperti menara menandakan bahawa tekad pencari telah diperkuat oleh Tuhan sehingga dia tidak lagi mengasihi dunia dan tidak lagi dijejas oleh Syaitan; tekadnya tunduk sepenuhnya kepada Daud (yang menandakan Kristus), dan tekadnya telah ditawan oleh Kristus.
    3. Senjata disimpan di dalam menara menandakan kemenangan Kristus untuk memelihara tekad para percayawan daripada dirampas musuh; perisai dan taming adalah untuk perlindungan; dan pahlawan perkasa menunjukkan kekuatan.
    4. Kesimpulannya, Kidung Agung 4:4 menunjukkan bahawa percayawan rela tunduk kepada kehendak Kristus, dan tekadnya teguh seperti menara untuk melaksanakan kehendak-Nya; dia sentiasa berjaga-jaga dan tidak membenarkan musuh merampas tekadnya yang tunduk.

- D. Pengalaman kita terhadap Kristus sebagai hayat kita yang patuh untuk mengerjakan penyelamatan kita sendiri dilihat dalam tamsil bagi bahtera yang dibina oleh Nuh; membina bahtera bererti membina Kristus yang praktikal dan sekarang sebagai penyelamatan Tuhan dalam pengalaman kita untuk membina Tubuh Kristus yang merupakan Kristus korporat demi kegirangan Tuhan—Flp. 2:8, 12-13:
1. Apa yang dilakukan dan dimasuki oleh Nuh ialah penyelamatan Tuhan, iaitu bahtera; kita harus mempunyai Kristus yang praktikal dan sekarang yang dapat kita masuki sebagai penyelamatan Tuhan.
  2. Bahtera ialah satu tamsil bagi Kristus, bukan sahaja Kristus yang individu tetapi juga Kristus yang korporat, gereja, iaitu Tubuh Kristus dan manusia baru—Kej. 6:14; 1 Kor. 12:12; Ef. 2:15-16; Kol. 3:10-11.
  3. Dengan membina bahtera dan masuk ke dalamnya, Nuh bukan sahaja diselamatkan daripada penghakiman Tuhan ke atas generasi jahat menerusi air bah, tetapi juga diasingkan daripada generasi tersebut dan dibawa masuk ke dalam zaman baru—Kej. 8:13-19; 1 Ptr. 3:20.
  4. Demikian juga, dengan membina gereja dan masuk ke dalam kehidupan gereja menerusi membina Kristus yang praktikal dan sekarang sebagai penyelamatan Tuhan dalam pengalaman kita, kita akan diselamatkan daripada penghakiman Tuhan ke atas generasi jahat hari ini menerusi kesengsaraan dahsyat (Mat. 24:37-39; Luk. 17:26-27; 1 Tes. 5:3), diasingkan daripada generasi tersebut (Luk. 21:36; Wahi 3:10), dan dibawa masuk ke dalam zaman baru, iaitu zaman milenium.